

NO. SOALAN: 57

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SIM TZE TZIN [BAYAN BARU]

TARIKH : 6 APRIL 2015

RUJUKAN : 7612

SOALAN:

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan rasional penswastaan pemprosesan visa lawatan ke Malaysia. Senaraikan negara-negara sumber pelawat yang terlibat dan senaraikan syarikat-syarikat swasta yang memproses visa lawatan mengikut Negara sumber.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, 1 Country 1 OSC merupakan dasar yang telah ditetapkan oleh Kerajaan berdasarkan keperluan iaitu menetapkan hanya satu pengendali OSC Visa Malaysia di setiap negara asing yang menerima permohonan visa yang tinggi seperti yang dipraktikkan oleh negara-negara maju yang menjadi tumpuan kedatangan pelancong.

Kuasa mempertimbangkan, memeriksa ketulenan pasport, melulus dan mengeluarkan pelekat Visa Malaysia masih di bawah kuasa pegawai Imigresen yang ditempatkan di Pejabat Perwakilan, manakala tugas pengendali OSC adalah khusus kepada menerima, membuat semakan awal, merekodkan butiran permohonan secara elektronik menggunakan sistem Visa Luar Negara (VLN) serta menyerahkan dan mengambil semula pasport pemohon di Pejabat-pejabat Perwakilan Malaysia dengan selamat dan sistematik.

Adalah dimaklumkan juga bahawa, kewujudan fasiliti dan pejabat OSC beserta prasarana dan Sistem Pentadbiran dan Pemprosesan Visa Malaysia yang bersepadu, telah mampu meningkatkan lagi jumlah permohonan memandangkan proses berkaitan telah menjadi lebih lancar dan efisien.

Syarikat Ultra Kirana Sdn Bhd telah membangun, menyelenggara dan menjalankan fungsi-fungsi sistem Visa Luar Negara (VLN) dan pusat sehenti (OSC) di China. OSC permohonan visa di Indonesia turut dikendalikan oleh Kumpulan Rastamas, VFS Global Sdn Bhd. di India dan Foshwa Sdn. Bhd. di Sri Lanka.